

PENGARUH MOTIVASI DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF TERHADAP PRESTASI PELAJAR ASASI UNIVERSITI AWAM

Amanina Kamarudin¹, Zolkepli Haron²

P137796@siswa.ukm.edu.my

zol@ukm.edu.my

Abstract

This study aims to explore the influence of student motivation in the implementation of alternative assessment on the academic performance of foundation students at a Malaysian public university. Alternative assessments, which include assignments, presentations, portfolios, and self-reflection, are viewed as effective approaches to enhance students' engagement in learning, particularly when student motivation is considered. This quantitative study employed a survey design involving 285 foundation students from various academic programs. A self-developed questionnaire based on the Self-Determination Theory was used to measure students' motivation and their academic performance within the context of alternative assessments. The findings indicate a positive and statistically significant relationship between student motivation and academic performance ($r = 0.443$, $p < 0.001$). Regression analysis further revealed that motivation in alternative assessment implementation could predict 30.5% of the variance in student performance ($R^2 = 0.305$). The implications of the study suggest that authentic and reflective assessment approaches have the potential to enhance students' motivation and contribute to improve academic performance in their holistic manner.

Keywords: *Alternative Assessment, Student Motivation, Academic Performance, Foundation Students, Preuniversity Students, Higher Education, Public University*

Pengenalan

Dalam landskap pendidikan abad ke-21, pendekatan terhadap pentaksiran pelajar telah mengalami perubahan yang ketara sejajar dengan transformasi kurikulum dan keperluan global. Pendidikan masa kini bukan lagi berfokus semata-mata kepada pencapaian akademik berasaskan peperiksaan, sebaliknya menekankan pembangunan holistik pelajar yang melibatkan kemahiran insaniah, pemikiran kritis, komunikasi, kerjasama serta pembelajaran sendiri sepanjang hayat (Zulfikar & Mujiburrahman, 2020). Seiring dengan perubahan ini, pentaksiran alternatif semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan kerana pendekatannya yang lebih autentik, kontekstual dan berpusatkan pelajar. Antara bentuk pentaksiran alternatif yang kerap digunakan termasuklah tugas projek, pembentangan lisan, portfolio, penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya (Wiliam, 2018).

Pentaksiran alternatif bukan sahaja memberikan ruang kepada pelajar untuk menunjukkan pemahaman mereka secara lebih mendalam dan bermakna, malah menggalakkan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran. Hal ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan motivasi pelajar, khususnya motivasi intrinsik kerana mereka merasa dihargai dan terlibat secara aktif dalam proses penilaian (Deci & Ryan, 2000). Reeve (2012) menyatakan bahawa pelajar lebih berkemungkinan menunjukkan minat yang mendalam, usaha yang berterusan dan keupayaan

yang tinggi dalam pembelajaran apabila mereka terlibat dalam proses pentaksiran yang menyediakan peluang untuk refleksi diri serta maklum balas yang bersifat membina.

Motivasi pelajar merupakan faktor penting yang mempengaruhi kejayaan akademik dan kesejahteraan psikologi pelajar. Dalam konteks pelajar asasi, motivasi pelajar dilihat lebih kritikal kerana fasa ini adalah tempoh peralihan daripada alam persekolahan ke dunia pendidikan tinggi yang mencabar. Pelajar asasi perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, corak pembelajaran yang lebih sendiri dan tahap jangkaan yang lebih tinggi dari segi akademik (Aziz et al., 2021). Motivasi yang rendah boleh menjejaskan prestasi akademik dan keberkesanan proses pembelajaran secara keseluruhan.

Kajian literatur menunjukkan bahawa pentaksiran alternatif mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran dengan merangsang motivasi pelajar secara berterusan. Panadero et al. (2017) menegaskan bahawa pelaksanaan pentaksiran formatif seperti portfolio dan refleksi sendiri mempunyai hubungan positif dengan keupayaan metakognitif dan motivasi pelajar. Dalam kajian tempatan, Hashim dan Abdul Rahman (2022) mendapati bahawa pelajar prasiswazah yang terlibat dalam penilaian berbentuk tugas kumpulan dan projek menunjukkan peningkatan dalam minat, kepercayaan sendiri dan kerjasama antara rakan sebaya. Namun begitu, masih terdapat jurang yang ketara dalam kajian empirikal berkaitan motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif dalam kalangan pelajar asasi, terutama yang berfokus kepada universiti awam.

Pelajar asasi menjadi fokus utama dalam kajian ini kerana mereka berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang proses peralihan dari alam persekolahan ke peringkat pengajian tinggi. Cabaran ini berpotensi memberi impak yang ketara terhadap pencapaian akademik dan kesejahteraan emosi mereka. Antaranya termasuk kesukaran menyesuaikan diri dengan tuntutan akademik di peringkat asasi, yang boleh mengakibatkan tekanan dan kebimbangan dalam kalangan pelajar (Jailani et al., 2020). Selain itu, kekurangan pendedahan kepada penyelidikan dan amalan akademik lanjutan boleh menyebabkan pelajar berasa tidak bersedia untuk tugas di peringkat universiti (Michels & Eijkelhof, 2018). Kebimbangan terhadap hala tuju pendidikan dan kerjaya masa depan juga menjadi faktor penyumbang kepada kerisauan pelajar asasi (Jailani et al., 2020).

Menyentuh soal motivasi pula, motivasi pelajar asasi adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kecekapan sendiri (Dillah et al., 2023), kompetensi guru (Shaik Abdullah, 2023), aspirasi kerjaya (Wanderley et al., 2024) dan persekitaran pembelajaran (Kiltz et al., 2023). Memahami motivasi ini amat penting bagi meningkatkan hasil pendidikan dan membimbing pelajar dalam perjalanan akademik mereka. Motivasi autonomi dikaitkan dengan pencapaian akademik dan kepuasan hidup yang lebih tinggi, manakala motivasi terkawal boleh menyebabkan peningkatan kebimbangan terhadap peperiksaan (Iraola-Real et al., 2022). Perbezaan ini menunjukkan keperluan untuk memupuk motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar bagi memperkaya pengalaman pendidikan mereka. Walau bagaimanapun, Pintrich, P. R. (2003) berpandangan bahawa faktor luaran seperti status sosioekonomi dan pengaruh rakan sebaya boleh mengatasi motivasi intrinsik, sekali gus merumitkan landskap motivasi pelajar. Pandangan ini mencadangkan bahawa pendekatan pelbagai dimensi diperlukan untuk memahami dan menyokong motivasi pelajar asasi secara menyeluruh.

Masalah kajian ini adalah signifikan dalam bidang pendidikan kerana berkait langsung dengan pendekatan pedagogi dan strategi penilaian yang mampu membentuk pengalaman pembelajaran pelajar secara menyeluruh. Ketiadaan data empirikal yang mencukupi mengenai hubungan antara motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi pelajar asasi menyukarkan pihak institusi membuat keputusan yang berasaskan bukti untuk reformasi penilaian. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka pengaruh motivasi dalam pelaksanaan

pentaksiran alternatif terhadap prestasi pelajar asasi di universiti awam. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi akademik mereka, serta menilai sejauh mana motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif dapat meramalkan prestasi akademik mereka.

Secara keseluruhan, kajian ini berpotensi menyumbang kepada bidang yang masih kurang diterokai dalam penyelidikan terdahulu serta menawarkan cadangan praktikal kepada penggubal dasar, pendidik dan pentadbir program asasi dalam merangka strategi pentaksiran yang lebih berkesan dan berorientasikan pelajar. Melalui pendekatan penilaian yang lebih holistik dan reflektif, pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian akademik, malah berkembang dari segi sendiri, emosi dan sosial secara lebih seimbang dan mampan.

Kajian Literatur

Pentaksiran merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan kerana pentaksiran memberi gambaran tentang pencapaian pelajar dan kualiti pembelajaran. Dalam era pendidikan kontemporari, pendekatan pentaksiran telah berkembang daripada sekadar mengukur hasil pembelajaran kepada peranan yang lebih menyeluruh dalam membina motivasi dan penglibatan pelajar terhadap proses pembelajaran (Magdalena et al., 2023). Hal ini lebih ketara dalam kalangan pelajar asasi yang berada dalam fasa peralihan antara sekolah menengah dan universiti.

Pelajar asasi merupakan kumpulan yang unik kerana mereka masih menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang lebih bebas dan sendiri (Law & Sheen, 2024). Oleh itu, pendekatan pentaksiran yang bersifat reflektif, kolaboratif dan bermakna seperti pentaksiran alternatif dilihat mampu menyokong perkembangan akademik dan psikososial mereka dengan lebih baik (Babic et al., 2021) berbanding pentaksiran tradisional yang lebih berorientasikan hafalan dan tekanan masa.

Perkembangan Konsep Pentaksiran dalam Pendidikan

Pada awalnya, pentaksiran dalam pendidikan difahami sebagai satu kaedah untuk mengukur pengetahuan dan kemahiran pelajar melalui peperiksaan bertulis (Nitko, 1996). Walau bagaimanapun, konsep ini telah diperluas apabila Stiggins (2005) dan Black & William (1998) mengemukakan pendekatan pentaksiran sebagai alat yang boleh meningkatkan pembelajaran apabila dilaksanakan dengan maklum balas formatif yang membina. Mereka menekankan bahawa pentaksiran tidak seharusnya menjadi penamat kepada proses pembelajaran, sebaliknya berperanan sebagai penggerak kepada pembelajaran yang lebih bermakna.

Pelbagai jenis pentaksiran telah diperkenal kemudian, termasuk pentaksiran formatif, sumatif dan alternatif. Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan sepanjang proses pembelajaran dengan matlamat untuk menyediakan maklum balas serta-merta bagi membantu pelajar memperbaiki pencapaian mereka, manakala pentaksiran sumatif menilai hasil pembelajaran di akhir sesuatu tempoh seperti peperiksaan akhir atau projek besar, dengan fokus kepada pencapaian objektif pembelajaran. Sebaliknya, pentaksiran alternatif menekankan kepada aplikasi pengetahuan dalam situasi autentik melalui tugas seperti portfolio, kajian kes atau projek berasaskan komuniti yang membolehkan pelajar menunjukkan kemahiran berfikir aras tinggi dan penyelesaian masalah secara kontekstual. Ketiga-tiga jenis pentaksiran ini berkongsi persamaan dari segi matlamat untuk menilai pencapaian pelajar dan menyumbang kepada penambahbaikan pengajaran, namun berbeza dari segi pendekatan, masa pelaksanaan, serta tahap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran (Paul Black & William, 2009; Jon Mueller, 2021; Jones & Tanner, 2008).

Pentaksiran alternatif, berbanding pentaksiran sumatif, menekankan kepada proses dan pengalaman pembelajaran pelajar secara menyeluruh (Zwilling & Zwilling, 2023). Pentaksiran sebegini memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan pencapaian melalui kaedah selain ujian bertulis seperti tugas projek, pembentangan, portfolio, serta penilaian sendiri dan rakan sebaya. Cara ini membantu membangunkan kemahiran abad ke-21 pelajar seperti pemikiran kritikal, kreativiti dan kerjasama, serta menggalakkan pelajar menjadi lebih reflektif dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran. Selain dipercayai dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar, pentaksiran ini juga lebih sukar untuk dimanipulasi, sekali gus menyumbang kepada integriti akademik. Oleh itu, pentaksiran alternatif wajar digabungkan dalam sistem penilaian bagi menyokong pembelajaran holistik dan berkesan (Black & William, 2009; Mueller, 2021).

Pentaksiran Alternatif dalam Pendidikan Tinggi

Pentaksiran alternatif dianggap sesuai dalam konteks pendidikan tinggi kerana dapat membina keupayaan pelajar dalam pemikiran kritis, refleksi sendiri dan kemahiran abad ke-21 (Boud & Falchikov, 2020). Kajian oleh Torrance (1995) turut menunjukkan bahawa pendekatan ini boleh mengurangkan tekanan emosi pelajar kerana pelajar dapat mengurus tugas mengikut jadual yang lebih fleksibel dan memberi peluang untuk mereka mengembangkan identiti akademik yang lebih kukuh. Menurut Afrifa-Yamoah et al. (2024), pentaksiran alternatif telah terbukti berkesan dalam memperkukuh kemahiran penyelidikan, pengurusan masa dan pendekatan pembelajaran pelajar. Pentaksiran alternatif juga menyumbang kepada pembangunan pelajar secara holistik dengan mengurangkan tekanan yang lazim dikaitkan dengan pentaksiran konvensional.

Selain itu, pentaksiran alternatif dilihat sangat membantu ketika musim pandemik yang tidak dijangka. Kajian Kaisar (2023) mendapati bahawa, semasa pandemik, kaedah pembelajaran dalam talian menjadi keperluan utama dan pentaksiran alternatif seperti ujian buku terbuka serta ujian dalam talian berjangka masa menjadi kaedah penting untuk memastikan kesinambungan pendidikan. Hal ini membolehkan proses pembelajaran diteruskan dengan lebih fleksibel mengikut kekangan lokasi dan akses.

Pentaksiran alternatif juga dilihat membantu dalam penyampaian kursus yang melibatkan bahasa. Sebagai contoh, kursus ESP, iaitu Bahasa Inggeris untuk Tujuan Khusus, pentaksiran alternatif telah didapati berkesan dalam mengasah kemahiran belajar yang penting, yang sebelum ini kurang diberi perhatian dalam kaedah pentaksiran tradisional (Kuchkarova, 2019). Perkara ini turut disokong dalam kajian Aknouch (2023) yang menyatakan pentaksiran alternatif dapat menilai pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa atau kemahiran lain, termasuk elemen yang sukar dikesan melalui ujian tradisional seperti kreativiti, pemikiran kritis dan komunikasi.

Namun begitu, beberapa cabaran turut dikenal pasti dalam pelaksanaannya. Antara cabaran yang dikenal pasti adalah isu seperti akses internet yang tidak stabil dan masalah teknikal yang mungkin dihadapi oleh pelajar semasa menjalankan pentaksiran alternatif terutama yang berkait dengan pentaksiran secara dalam talian. Masalah sebegini boleh meningkatkan kerisauan pelajar dan berkemungkinan menjejaskan prestasi pelajar (Gamage et al., 2022; Kaisar, 2023). Selain itu, sekiranya pentaksiran dibuat di dalam kelas yang besar, pentaksiran alternatif mungkin tidak dapat memenuhi keperluan pelajar yang berbeza-beza dan boleh menyebabkan pelajar berprestasi tinggi berasa pentaksiran yang dijalankan adalah tidak mencabar (Varsavsky & Rayner, 2013). Keadaan ini boleh menimbulkan rasa kecewa dan kurang bermotivasi dalam kalangan pelajar yang inginkan cabaran akademik yang lebih tinggi.

Kaitan Teori Motivasi dengan Prestasi

Kejayaan prestasi pelajar banyak dipengaruhi oleh tahap motivasi mereka. Antara teori yang mengaitkan motivasi dengan prestasi ialah Teori Keperluan Maslow. Menurut Maslow (1943), manusia mempunyai lima tahap keperluan yang disusun secara hierarki, bermula dengan keperluan fisiologi seperti makan dan tidur, diikuti oleh keperluan keselamatan, kasih sayang dan rasa memiliki, penghargaan diri, serta keperluan tertinggi iaitu aktualisasi sendiri yang merujuk kepada pencapaian potensi diri sepenuhnya. Dalam konteks pelaksanaan pentaksiran alternatif, pelajar hanya dapat memberikan prestasi terbaik apabila keperluan asas mereka dipenuhi. Misalnya, pelajar yang merasa selamat, dihargai dan diiktiraf oleh pengajar melalui tugas atau pembentangan akan lebih bermotivasi untuk menunjukkan prestasi yang tinggi (Yusof & Alias, 2018). Pentaksiran alternatif yang memberi peluang kepada pelajar untuk menonjolkan potensi sendiri dijangka boleh memenuhi tahap aktualisasi sendiri.

Teori kedua ialah Teori Penentuan Kendiri yang diperkenalkan oleh Deci dan Ryan. Menurut Deci dan Ryan (1985), motivasi yang kukuh dan berkesan terhasil apabila tiga keperluan psikologi asas individu dipenuhi, iaitu autonomi (kebebasan membuat pilihan dan keputusan), kecekapan (keyakinan terhadap kebolehan dan keupayaan diri), serta hubungan sosial (perasaan disokong, diterima dan dihargai dalam interaksi dengan orang lain). Pentaksiran alternatif seperti pembentangan dan refleksi sendiri dipercayai dapat memberi pelajar autonomi dalam pembelajaran, meningkatkan rasa kecekapan apabila mereka berjaya menyiapkan tugas, serta menggalakkan interaksi sosial melalui kolaborasi kumpulan. Semua ini boleh menyumbang kepada peningkatan motivasi intrinsik dan seterusnya, prestasi akademik pelajar (Rahim et al., 2021).

Kaitan Peningkatan Motivasi dengan Prestasi

Tahap motivasi yang tinggi diyakini berperanan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Dalam kajian yang dijalankan oleh Saemah Rahman (2023), yang meneliti hubungan antara kesedaran metakognitif, elemen motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti, didapati bahawa terdapat hubungan langsung yang signifikan antara kesedaran metakognitif dan prestasi akademik. Selain itu, elemen motivasi seperti efikasi sendiri dan matlamat pembelajaran memberi kesan secara tidak langsung terhadap pencapaian melalui peranan perantara kesedaran metakognitif. Sebaliknya, matlamat yang berfokus kepada prestasi dikaitkan dengan pencapaian akademik yang lebih rendah.

Menurut laporan oleh Denise Koh Choon Lian dan Nur Amirah Aqilah Zarawi (2023), wujud hubungan positif yang signifikan antara motivasi untuk menyertai aktiviti sukan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dapatan ini mencadangkan bahawa penglibatan aktif dalam sukan yang dipacu oleh motivasi intrinsik berkemungkinan menyumbang secara tidak langsung kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar.

Dua jenis motivasi yang dikenal pasti ialah motivasi ekstrinsik dan intrinsik (Karunakaran & Jithu, 2023). Kedua-dua jenis motivasi ini memberikan pengaruh signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar, namun kesannya berbeza-beza bergantung pada konteks budaya dan keadaan individu. Motivasi intrinsik, yang berpunca daripada minat dan keseronokan peribadi terhadap pembelajaran (Pandya, 2024), secara umumnya dikaitkan dengan tahap pencapaian dalam bidang akademik yang lebih memberangsangkan. Berbeza dengan motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang didorong oleh ganjaran luaran atau kewajipan tertentu (Kremen et al., 2016). Motivasi ekstrinsik berpotensi menghasilkan impak yang berbeza terhadap prestasi pelajar, dan kesannya banyak bergantung kepada kekuatan motivasi intrinsik yang sedia ada dalam diri pelajar.

Menurut Leong et al. (2018), pelajar yang mempunyai tahap motivasi intrinsik yang tinggi cenderung untuk mencapai prestasi akademik yang lebih cemerlang kerana mereka lebih terlibat secara aktif dan mendalam dalam proses pembelajaran. Selain itu, kajian tersebut turut menekankan bahawa dalam konteks budaya Barat, motivasi intrinsik sering diberi penekanan berbanding faktor ekstrinsik kerana sering dikaitkan dengan pencapaian yang lebih memberangsangkan dalam bidang-bidang kritikal seperti sains.

Liu et al. (2020) pula menegaskan bahawa kesan motivasi ekstrinsik adalah kontekstual dan bergantung kepada tahap motivasi intrinsik pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa insentif luaran berupaya meningkatkan pencapaian akademik, khususnya dalam kalangan pelajar yang mempunyai tahap motivasi intrinsik yang rendah. Namun begitu, bagi pelajar yang sememangnya bermotivasi secara intrinsik, pemberian ganjaran luaran berpotensi menjejaskan penglibatan mereka dalam pembelajaran, sekali gus melemahkan dorongan dalaman yang sedia ada.

Kajian Tempatan dan Konteks Pelajar Asasi

Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian telah menunjukkan motivasi pelajar yang tinggi dapat meningkatkan prestasi pelajar asasi di institusi pengajian tinggi. Kajian Raisuli & Tharumaraj (2024) mendapati bahawa motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar prasiswazah adalah lebih dominan, dan memberi kesan signifikan terhadap prestasi akademik, terutama apabila pentaksiran dibuat adalah sejajar dengan matlamat kerjaya. Kajian oleh Mohammed et al. (2023) pula membuktikan bahawa penglibatan pelajar adalah penting untuk kepuasan dan pencapaian akademik. Pelajar yang bermotivasi cenderung untuk mengawal pembelajaran mereka sendiri dan terus berusaha walaupun berhadapan dengan cabaran.

Selain itu, kajian Islam & Zayed (2023) mendapati bahawa persekitaran pendidikan seperti pembelajaran berasaskan masalah dapat meningkatkan motivasi pencapaian dan kecekapan sendiri dalam kalangan pelajar. Hassan & M (2018) pula berpendapat faktor sosioekonomi turut memainkan peranan penting, khususnya dalam kalangan kumpulan terpinggir seperti masyarakat Orang Asli, yang mana tahap motivasi sering dikaitkan dengan status ekonomi.

Penilaian Kritis dan Jurang Penyelidikan

Walaupun motivasi merupakan komponen penting dalam kejayaan akademik, tekanan luaran dan halangan sistemik boleh menghalang pelajar daripada memanfaatkan motivasi mereka dengan berkesan. Hal ini menekankan keperluan kepada rangka sokongan pendidikan yang inklusif dan responsif bagi memastikan pelajar, terutama daripada kumpulan rentan, dapat berkembang secara optimum dalam sistem pendidikan.

Kajian yang memberi fokus khusus kepada pelajar asasi dilihat masih sangat terhad. Perkara ini merupakan satu jurang penting yang perlu diisi memandangkan pelajar asasi menghadapi cabaran unik dalam menyesuaikan diri dengan pendekatan pembelajaran sendiri dan penilaian reflektif. Kebanyakan pelajar ini mempunyai latar belakang pendidikan yang menekankan penilaian berasaskan peperiksaan, yang mungkin menyukarkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan bentuk pentaksiran yang lebih terbuka dan fleksibel.

Selain itu, cabaran pelaksanaan pentaksiran alternatif yang dinyatakan dalam literatur juga perlu diberi perhatian dalam reka bentuk kajian yang empirikal. Faktor seperti masalah teknikal dan jumlah pelajar yang ramai boleh mempengaruhi hasil pelaksanaan dan keberkesanan pendekatan ini.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini memperlihatkan bahawa motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif mempunyai potensi yang besar dalam meningkatkan prestasi mereka terutama apabila dikaitkan dengan teori motivasi intrinsik dan pembelajaran sendiri. Dalam konteks pelajar asasi universiti awam di Malaysia, pendekatan ini boleh menyokong pembangunan akademik dan emosi yang lebih stabil, terutama apabila mereka diberi ruang untuk menilai dan memperbaiki hasil kerja sendiri.

Namun demikian, cabaran pelaksanaan dan jurang penyelidikan masih wujud, terutama dari segi kekurangan kajian empirikal yang khusus kepada pelajar asasi. Justeru, penyelidikan yang mengkaji secara langsung pengaruh motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi pelajar asasi amat diperlukan. Kajian ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pembangunan teori dan amalan pendidikan di Malaysia, malah dapat membantu universiti merancang pendekatan pentaksiran yang lebih efektif untuk kumpulan pelajar transisi ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan (*survey*) bukan eksperimental. Pendekatan ini sesuai untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah iaitu motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi pelajar asasi di universiti awam. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik memperoleh data secara sistematik untuk dianalisis secara statistik.

Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar program asasi di sebuah universiti awam di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan rekod yang diperoleh melalui emel daripada penolong pendaftar kanan pusat asasi yang dikaji, jumlah keseluruhan pelajar program asasi di universiti tersebut bagi tempoh ketika kajian dijalankan adalah seramai 1131 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 285 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Bilangan sampel kajian ini adalah ditetapkan berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan (1970). Pemilihan sampel ini mengambil kira pelajar daripada pelbagai bidang program asasi yang ditawarkan di universiti tersebut seperti Sains Teknologi, Perubatan/Pergigian, Perakaunan dan Undang-undang. Pemilihan sampel daripada pelbagai bidang adalah penting bagi memastikan kebolehwakilan data yang seimbang.

Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan berkelompok (*cluster sampling*) dan pensampelan rawak mudah (*simple random sampling*). Pada peringkat awal, pensampelan berkelompok digunakan bagi memilih kumpulan pelajar berdasarkan program pengajian. Seterusnya, pensampelan rawak mudah digunakan dalam kalangan pelajar kumpulan terpilih untuk menentukan individu yang akan menjadi responden kajian. Kaedah ini dipilih bagi memastikan keterwakilan sampel yang adil dan mengurangkan bias pemilihan.

Instrumen kajian ini merupakan soal selidik bertajuk “Pengaruh Motivasi dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif terhadap Prestasi Pelajar” yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur dan teori motivasi yang relevan, terutama Teori Penentuan Kendiri. Instrumen ini terdiri daripada dua bahagian utama: Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden, manakala Bahagian B mengandungi 40 item dengan skala likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju sehingga 5 = Sangat Setuju) bagi menilai persepsi pelajar berdasarkan motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi mereka. Item dibina merangkumi motivasi intrinsik, ekstrinsik dan penilaian terhadap prestasi mereka yang melibatkan pentaksiran alternatif.

Sebelum diedarkan kepada responden, instrumen kajian ini telah melalui proses penilaian kesahan dan kebolehpercayaan terlebih dahulu. Bagi memastikan kesahan kandungan, dua orang panel pakar telah dilantik: seorang merupakan pensyarah dalam bidang pengukuran dan penilaian di institusi pengajian tinggi, manakala

seorang lagi ialah pensyarah program asasi di universiti awam tempat kajian dijalankan. Kedua-dua panel diminta menilai kesesuaian dan kerelevanan setiap item yang dibangunkan menggunakan skala empat mata (1 = Sangat Tidak Sesuai sehingga 4 = Sangat Sesuai).

Penilaian ini dianalisis menggunakan kaedah Indeks Kesahan Kandungan per Item (I-CVI) seperti dicadangkan oleh Lynn (1986) dan seterusnya dikembangkan oleh Polit dan Beck (2006). Nilai I-CVI dikira berdasarkan jumlah panel yang memberikan skor 3 atau 4, dibahagikan dengan bilangan keseluruhan panel. Dalam kes ini, dengan hanya dua orang panel, nilai I-CVI yang boleh diperoleh adalah 0.00, 0.50 atau 1.00. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua 40 item mencatatkan nilai I-CVI sebanyak 1.00, yang menggambarkan tahap persetujuan penuh antara panel terhadap setiap item. Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen mempunyai kesahan kandungan yang sangat memuaskan.

Kebolehpercayaan instrumen telah dinilai melalui pelaksanaan kajian rintis yang melibatkan 30 orang pelajar asasi dari universiti yang sama. Pemilihan sampel kajian rintis ini dibuat berdasarkan kesepadanan ciri dengan populasi kajian sebenar. Analisis kebolehpercayaan dijalankan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics. Hasil analisis menunjukkan nilai pekali Cronbach's Alpha yang tinggi, iaitu 0.95, yang melebihi nilai ambang 0.7 dan berada dalam julat yang boleh diterima, iaitu antara 0.7 hingga 0.95 sebagaimana yang disarankan oleh Tavakol dan Dennick (2011). Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik.

Pengumpulan data dijalankan secara fizikal. Borang soal selidik telah diedarkan melalui wakil-wakil pelajar. Pelajar diberi masa 15 minit untuk melengkapkan borang tersebut. Setiap borang yang telah lengkap, dikembalikan semula kepada pengkaji melalui wakil-wakil pelajar yang telah dilantik.

Data dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi terkini. Statistik deskriptif digunakan bagi menggambarkan profil responden serta tahap motivasi mereka, manakala analisis korelasi Spearman digunakan untuk menilai hubungan antara motivasi pelajar dan prestasi akademik mereka. Selain itu, analisis regresi linear mudah digunakan bagi menentukan sejauh mana motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif menjadi peramal kepada prestasi akademik pelajar.

Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi meneliti pengaruh motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif seperti tugas, pembentangan, portfolio dan refleksi diri terhadap motivasi pelajar asasi universiti awam. Seramai 285 pelajar asasi daripada pelbagai program pengajian telah terlibat sebagai responden.

Demografi sampel kajian

Jadual 1. Data demografi responden.

Data demografi responden N=285			
Pemboleh ubah	Kumpulan	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	96	33.7
	Perempuan	189	66.3

Bidang pengajian	Perakaunan	69	24.2
	Perubatan/Pergigian	83	29.1
	Sains Teknologi	66	23.2
	Undang-undang	67	23.5

Jadual 1 memperincikan agihan keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada sejumlah 285 responden, majoritinya terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 189 orang (66.3%), manakala pelajar lelaki mewakili 33.7% daripada jumlah keseluruhan. Ketidakeimbangan jantina ini mencerminkan corak enrolmen di pusat asasi berkenaan, yang merekodkan pelajar perempuan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Dari segi bidang pengajian, seramai 24.2% responden mengikuti program Perakaunan, 29.1% dalam bidang Perubatan/Pergigian, 23.2% dalam bidang Sains dan Teknologi, manakala 23.5% pula terdiri daripada pelajar bidang Undang-undang.

Jadual 2. Pengujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov bagi Skor Jumlah Konstruk

Konstruk	Statistik (s)	df	Nilai signifikan (p)
Motivasi dalam Pentaksiran Alternatif	0.084	285	<0.001
Prestasi Pelajar	0.110	285	<0.001

Jadual 2 menunjukkan hasil pengujian normaliti menggunakan Kolmogorov-Smirnov bagi skor jumlah konstruk. Nilai darjah kebebasan (df) adalah 285. Keputusan ujian normaliti mendapati skor jumlah bagi konstruk motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi pelajar tidak menunjukkan taburan normal ($p < 0.001$). Oleh itu, penggunaan analisis bukan parametrik seperti korelasi Spearman adalah wajar dan menepati keperluan statistik.

Jadual 3. Hasil Analisis Korelasi Spearman bagi Konstruk Motivasi dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif terhadap Konstruk Prestasi Pelajar

	Prestasi Pelajar	
	r	0.443
	p	<0.001
	n	285

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis korelasi Spearman bagi konstruk motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap konstruk prestasi pelajar. Analisis korelasi Spearman digunakan bagi menentukan hubungan antara tahap motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi akademik mereka. Pemilihan Spearman adalah bersesuaian memandangkan data diperoleh melalui skala Likert, dan taburan model tidak mematuhi andaian normaliti berdasarkan ujian Kolmogorov-Smirnov. Nilai r merupakan nilai bagi pekali korelasi, nilai p mewakili nilai signifikan, manakala n ialah bilangan sampel keseluruhan.

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan sederhana serta signifikan secara statistik antara motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif dengan prestasi pelajar ($r = 0.0443$, $p < 0.001$).

Dapatan ini mencadangkan bahawa peningkatan dalam motivasi berkait rapat dengan peningkatan dalam prestasi pelajar apabila mereka terlibat dalam pentaksiran alternatif.

Jadual 4. Hasil Analisis Regresi Linear Mudah bagi Kesan Min Skor Motivasi dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif kepada Min Skor Prestasi Pelajar

Pemboleh ubah Deskriptif	B	Std. Error	Beta	t	p	R
Pemalar	1.158	0.197	-	5.870	<0.001	-
Motivasi dalam Pentaksiran Alternatif	0.557	0.50	0.552	11.144	<0.001	0.552
Pemboleh ubah Bersandar: Prestasi Pelajar						
R = 0.552; R ² = 0.305; F _(1,283) = 124.181; p < 0.001; Durbin-Watson (D.W.) Statistic = 1.959						

Jadual 4 menunjukkan hasil daripada analisis regresi linear mudah yang dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana “Skor Min Motivasi dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif” meramalkan “Prestasi Pelajar”, yang dianggap mempengaruhi “Skor Min Prestasi Pelajar”. Berdasarkan hasil yang diperolehi, didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya ($R = 0.552$; $R^2 = 0.305$) ($F_{(1,283)} = 124.181$; $p < 0.05$). Skor min “Motivasi dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif” menerangkan kira-kira 30.5% daripada variasi adalah di dalam skormin konstruk “Prestasi Pelajar”.

Sebelum analisis regresi linear mudah dijalankan, beberapa andaian asas telah diuji bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan model. Ujian normaliti dilakukan ke atas skor jumlah konstruk bagi pemboleh ubah bebas (motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif) dan pemboleh ubah bersandar (prestasi pelajar) menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnov. Hasil ujian menunjukkan kedua-dua konstruk mencatatkan nilai signifikan $p < 0.001$, menandakan bahawa model tidak mematuhi andaian taburan normal. Namun begitu, memandangkan saiz sampel adalah besar ($n = 285$), pelanggaran terhadap normaliti tidak dianggap serius kerana analisis regresi diketahui bersifat robust terhadap andaian ini dalam sampel besar. Oleh itu, analisis regresi linear mudah tetap diteruskan. Selain itu, andaian lineariti antara pemboleh ubah turut diperiksa melalui pemerhatian terhadap scatterplot ($\beta = 0.552$, $p < 0.001$). Ini menunjukkan terdapat hubungan linear yang jelas antara tahap motivasi pelajar dengan prestasi mereka. Bagi andaian bebas residual, statistik Durbin-Watson yang diperolehi adalah 1.959, iaitu dalam julat penerimaan (1.5 hingga 2.5), yang menandakan tiada masalah autokorelasi dalam model. Di samping itu, andaian homoskedastisiti dijangka dipenuhi berdasarkan taburan residual yang seimbang dan rawak di sekitar garis sifar apabila diplotkan terhadap nilai ramalan. Walaupun ujian menunjukkan pelanggaran terhadap andaian normaliti, pemenuhan andaian-andaian lain membolehkan analisis regresi linear mudah dijalankan dengan justifikasi yang kukuh.

Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi akademik mereka dalam konteks pengajian peringkat asasi di universiti awam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan, positif dan bersifat sederhana antara motivasi pelajar

dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif terhadap prestasi akademik mereka ($r=0.433$, $p<0.001$). Ini menandakan bahawa semakin tinggi motivasi pelajar, semakin tinggi prestasi yang dicapai oleh mereka. Hasil daripada analisis regresi linear mudah pula menunjukkan bahawa motivasi pelajar menyumbang sebanyak 30.5% kepada variasi dalam prestasi akademik ($R^2=0.305$), yang bermaksud bahawa motivasi merupakan pemboleh ubah yang mampu meramalkan sebahagian besar perubahan dalam prestasi pelajar apabila mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti pentaksiran.

Secara lebih terperinci, keputusan analisis regresi menghasilkan persamaan regresi linear mudah seperti berikut:

$$Y = 1.158 + 0.557X$$

Y di dalam persamaan di atas adalah mewakili skor prestasi pelajar, manakala X mewakili skor motivasi dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif. Ini bermakna, bagi setiap peningkatan satu unit dalam tahap motivasi pelajar, dijangkakan akan berlaku peningkatan sebanyak 0.557 unit dalam prestasi akademik mereka. Nilai pemalar sebanyak 1.158 menunjukkan skor asas prestasi pelajar apabila motivasi berada pada tahap minimum. Oleh itu, persamaan ini memberi gambaran kuantitatif yang jelas tentang bagaimana perubahan dalam motivasi pelajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka dalam konteks pentaksiran alternatif.

Namun demikian, sebelum keputusan regresi linear mudah dapat ditafsirkan secara sah, beberapa andaian asas perlu dipenuhi. Andaian pertama ialah lineariti, iaitu hubungan antara pemboleh ubah bebas (motivasi) dan pemboleh ubah bersandar (prestasi) harus berbentuk linear. Kedua, kebebasan residual perlu dipastikan, iaitu nilai-nilai residual tidak bergantung antara satu sama lain. Dalam kajian ini, nilai statistik Durbin-Watson (1.959) menunjukkan tiada autokorelasi yang ketara, maka andaian ini dipenuhi. Ketiga, homoskedastisiti, yang merujuk kepada keseragaman varians residual pada setiap tahap nilai pemboleh ubah bebas. Akhir sekali, andaian normaliti residual juga penting, namun kerana skor asal pemboleh ubah menunjukkan taburan tidak normal ($p < 0.001$ berdasarkan ujian Kolmogorov-Smirnov), analisis awal seperti korelasi Spearman turut dijalankan sebagai langkah berhati-hati. Walaupun begitu, regresi linear masih digunakan kerana saiz sampel yang besar (> 200) membolehkan penggunaan kaedah robust untuk anggaran model.

Penemuan ini selari dengan Teori Penentuan Kendiri oleh Deci dan Ryan (2020), yang menyatakan bahawa motivasi intrinsik pelajar, seperti rasa ingin tahu, kepuasan sendiri dan keseronokan dalam menyelesaikan tugas, merupakan pemacu utama kepada pencapaian akademik yang memberangsangkan. Apabila pelajar diberikan peluang untuk terlibat dalam aktiviti pentaksiran yang bersifat terbuka dan mencabar seperti pembentangan projek, penulisan reflektif atau pembangunan portfolio, mereka lebih terdorong untuk menumpukan usaha secara mendalam kerana tugas-tugas tersebut memberikan nilai peribadi yang tinggi serta keterkaitan dengan pengalaman dunia sebenar.

Selain itu, pendekatan pentaksiran alternatif dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kerana pentaksiran seperti ini tidak hanya menilai hasil akhir, tetapi turut menilai proses pembelajaran. Seperti yang diujahkan oleh Gulikers et al. (2018), pentaksiran autentik yang direka bentuk berdasarkan situasi dunia sebenar mampu meningkatkan motivasi pelajar kerana mereka merasakan tugas tersebut relevan dengan masa depan mereka. Dalam konteks pelajar asasi, peluang untuk terlibat dengan pentaksiran yang menggabungkan unsur kolaborasi, kreativiti dan aplikasi praktikal menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan. Oleh itu, keberkesanan pentaksiran alternatif bukan sahaja terletak pada bentuknya, tetapi pada keberupayaannya untuk merangsang motivasi pelajar secara berkesan.

Menariknya, kajian ini turut mendapati bahawa pengaruh motivasi terhadap prestasi pelajar adalah konsisten merentas bidang pengajian, sama ada dalam Perakaunan, Perubatan, Sains Teknologi mahupun Undang-undang. Ini menunjukkan bahawa motivasi pelajar dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif adalah faktor sejagat yang dapat diaplikasikan dalam pelbagai disiplin ilmu. Wigfield, Gladstone dan Turci (2021) menegaskan bahawa motivasi akademik adalah pemacu utama kepada kejayaan pelajar tanpa mengira bidang pengajian. Oleh itu, pendekatan berpusatkan pelajar yang memberi keutamaan kepada elemen motivasi perlu diterapkan secara menyeluruh dalam sistem pentaksiran di institusi pengajian tinggi, termasuk di peringkat asasi.

Selain faktor bidang pengajian, data demografi pelajar turut menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan (66.3%). Ini berkemungkinan turut mempengaruhi corak dapatan kajian, memandangkan beberapa kajian lepas mendapati bahawa pelajar perempuan cenderung menunjukkan tahap motivasi akademik yang lebih tinggi berbanding lelaki (Skaalvik & Skaalvik, 2020). Namun begitu, kajian ini tidak menumpukan kepada perbezaan jantina secara mendalam. Justeru, kajian lanjutan disarankan untuk meneliti sama ada faktor jantina memainkan peranan sebagai moderator dalam hubungan antara motivasi dan prestasi.

Dari sudut pedagogi, dapatan ini memberi implikasi penting kepada pendidik dan pentadbir program di peringkat asasi. Reka bentuk pentaksiran perlu diubah suai agar sejajar dengan keperluan pelajar masa kini yang lebih responsif kepada pendekatan pembelajaran aktif dan autentik. Biggs dan Tang (2011) dalam pendekatan *constructive alignment* mereka menekankan bahawa kurikulum dan pentaksiran perlu diselaraskan secara sistematik agar hasil pembelajaran, strategi pengajaran dan bentuk pentaksiran saling menyokong. Dalam konteks ini, penggubalan tugas yang mencabar, bermakna dan melibatkan pelajar secara aktif dapat meningkatkan motivasi intrinsik mereka, sekali gus memberi kesan positif terhadap prestasi akademik.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga membuka ruang kepada penggubal dasar pendidikan untuk menilai semula kaedah pentaksiran yang diguna pakai di peringkat pengajian tinggi. Pentaksiran alternatif bukan hanya sesuai digunakan di peringkat sekolah, tetapi terbukti memberi kesan yang positif di peringkat asasi dan universiti apabila dilaksanakan secara terancang dan sistematik. Selain aspek pengukuran pencapaian, pentaksiran alternatif berpotensi besar untuk membina kemahiran insaniah pelajar seperti kepimpinan, komunikasi, pemikiran kritis dan keupayaan menyelesaikan masalah, yang sangat penting dalam abad ke-21 (OECD, 2019).

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan hujahan bahawa motivasi pelajar memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan kejayaan akademik mereka, khususnya dalam konteks pentaksiran alternatif. Melalui hubungan yang positif antara motivasi dan prestasi, serta keupayaan motivasi dalam meramalkan pencapaian pelajar, terbukti bahawa pendekatan pentaksiran alternatif yang bersifat autentik, kolaboratif dan reflektif mampu meningkatkan motivasi pelajar, seterusnya prestasi akademik mereka. Implikasi dapatan ini adalah besar, bukan sahaja kepada tenaga pengajar, malah kepada institusi pendidikan secara keseluruhan yang bertanggungjawab merangka dan melaksanakan sistem pentaksiran yang menyokong pembelajaran holistik dan berkesan. Oleh itu, sudah tiba masanya institusi pengajian tinggi memberi keutamaan kepada pendekatan pentaksiran yang berasaskan motivasi dan penglibatan aktif pelajar, demi melahirkan graduan yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga sahsiah dan kemahiran hidup.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan pentaksiran alternatif dan seterusnya mempengaruhi prestasi akademik mereka. Hubungan

yang positif dan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut mencerminkan kepentingan pendekatan pentaksiran yang berpusatkan pelajar dan bersifat autentik dalam konteks pendidikan tinggi, khususnya bagi pelajar asasi yang sedang menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang baharu. Dapatan kajian turut mengesahkan bahawa pelaksanaan pentaksiran alternatif mampu merangsang motivasi intrinsik pelajar melalui peluang untuk menunjukkan kebolehan, membuat keputusan autonomi dan bekerjasama dalam suasana pembelajaran yang menyokong. Oleh itu, adalah penting bagi pendidik dan penggubal dasar pendidikan untuk mempertimbang integrasi pentaksiran alternatif secara sistematik dalam kurikulum asasi bagi mengukuhkan lagi pencapaian akademik dan pembangunan sendiri pelajar. Kajian ini turut membuka ruang kepada penyelidikan lanjut untuk meneroka faktor demografi dan konteks budaya yang mungkin mempengaruhi hubungan antara motivasi dan prestasi dalam pelbagai disiplin ilmu.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak membantu, memberi sokongan dan kerjasama yang baik sepanjang proses kami menyiapkan kajian ini.

References

- Abdul Rashid Mohamed. (2002). *Alternative assessment in Malaysian schools: Issues and challenges*. Journal of Educational Research, 5(1), 25–38.
- Afrifa-Yamoah, E., Adama, E., Graf, A., & Adusei-Asante, K. (2024). Assessment Design And Practices Toward Holistic Learning Of Higher Education Students: Empirical Evidence Via Path Analysis Modelling Approach. *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning*, 24(3). <https://doi.org/10.14434/josotl.v24i3.35672>
- Aknouch, L. (2023). Alternative assessment forms for the foreign language classroom. *International Journal of Language and Literary Studies*, 5(1), 273–286. <https://doi.org/10.36892/ijlls.v5i1.1187>
- Aziz, N. A., Ismail, M., & Rahman, S. (2021). *Academic motivation and adjustment among foundation students in Malaysian public universities*. Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18(1), 145–165.
- Babic, T., Kolar, L., & Milicevic, M. (2021). Individual, Cooperative and Collaborative Learning and Students' Perceptions of Their Impact on Their Own Study Performance. *International Convention on Information and Communication Technology, Electronics and Microelectronics*, 864–869. <https://doi.org/10.23919/MIPRO52101.2021.9596728>
- Biggs, J., & Tang, C. (2011). *Teaching for Quality Learning at University* (4th ed.). McGraw-Hill Education.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 5(1), 7–74. <https://doi.org/10.1080/0969595980050102>
- Black, P., & Wiliam, D. (2009). Developing the theory of formative assessment. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 21(1), 5–31. <https://doi.org/10.1007/s11092-008-9068-5>
- Boud, D., & Falchikov, N. (2020). *Assessment and student learning: New frontiers*. Routledge.
- Brookhart, S. M. (2021). *How to give effective feedback to your students* (2nd ed.). ASCD.
- Carless, D. (2015). *Excellence in university assessment: Learning from award-winning practice*. Routledge.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. Springer.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "what" and "why" of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268. https://doi.org/10.1207/S15327965PLI1104_01

- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2020). Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness. *Guilford Publications*.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2020). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 61, 101860. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2020.101860>
- Dillah, D., Subramaniam, S., Abd Hamid, N. B., Subramaniam, N., Afrin, J. F., & Rahmat, N. H. (2023). Investigating Pre-University Students' Motivation to Learn and Their Use of Self-Regulated Learning Strategies. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i10/18961>
- Dweck, C. S. (2006). *Mindset: The new psychology of success*. Random House.
- Dweck, C. S. (2017). The journey to children's mindsets—and beyond. *Child Development Perspectives*, 11(2), 139–144. <https://doi.org/10.1111/cdep.12225>
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2020). From expectancy-value theory to situated expectancy-value theory: A developmental, social cognitive, and sociocultural perspective on motivation. *Contemporary Educational Psychology*, 61, 101859. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2020.101859>
- Gamage, K. A. A., Pradeep, R. G. G. R., & de Silva, E. K. (2022). Rethinking Assessment: The Future of Examinations in Higher Education. *Sustainability*, 14(6), 3552. <https://doi.org/10.3390/su14063552>
- Gikandi, J. W., Morrow, D., & Davis, N. E. (2011). Online formative assessment in higher education: A review of the literature. *Computers & Education*, 57(4), 2333–2351. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2011.06.004>
- Gulikers, J. T. M., Bastiaens, T. J., & Kirschner, P. A. (2004). A five-dimensional framework for authentic assessment. *Educational Technology Research and Development*, 52(3), 67–86. <https://doi.org/10.1007/BF02504676>
- Gulikers, J. T. M., Bastiaens, T. J., & Kirschner, P. A. (2018). Authentic assessment, student motivation and learning. *Journal of Vocational Education and Training*, 70(3), 357–377. <https://doi.org/10.1080/13636820.2018.1437063>
- Hashim, N. H., & Abdul Rahman, R. (2022). *Alternative assessment in higher education: Impacts on student motivation and engagement*. *Journal of Education and Social Sciences*, 22(3), 45–60.
- Hassan, N. C., & M, T. (2018). Motivation and academic achievement: a case study of Malaysian aboriginal (Orang Asli) students. *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(14), 534–549. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/V7-I14/3687>
- Islam, T., & Zayed, T. M. (2023). Achievement motivation among islamic studies students and its correlation with problem based learning and self-efficacy. *Journal of Nusantara Studies*, 8(1), 469–489. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol8iss1pp469-489>
- Jailani, O., Tahrir Adli, A. H., Che Amat, M. A., Othman, S. M., Deylami, N., & Abdul Rahim, N. S. (2020). *The Self-Perceived Problems among Malaysian Pre-university Students: Implications for College Counselling*. 16(3), 112–124. <https://doi.org/10.24191/AJUE.V16I3.11075>
- Jones, B. F., & Tanner, H. (2008). Formative assessment: Implications for classroom practice. *Improving Schools*, 11(3), 255–263. <https://doi.org/10.1177/1365480208098077>
- Kaisar, S. (2023). Alternative Assessment Practices in Higher Education during the COVID-19 Pandemic. *Journal of Learning and Educational Policy*, 35, 37–43. <https://doi.org/10.55529/jlep.35.37.43>
- Karunakaran, N., & Jithu, K. P. (2023). Effect of employee motivation techniques in Kerala: A case study of dinesh foods in Kannur. *Journal of Management Research and Analysis*. <https://doi.org/10.18231/j.jmra.2023.043>
- Kiltz, L., Trippenzee, M., Flier, J., Fokkens-Bruinsma, M., & Jansen, E. (2023). Student well-being in times of COVID-19 in the Netherlands: basic psychological need satisfaction and frustration within the academic

- learning environment. *European Journal of Psychology of Education*, 1–21. <https://doi.org/10.1007/s10212-023-00680-x>
- Koh Choon Lian, D., & Zarawi, N. A. A. (2023). Hubungan antara motivasi penyertaan sukan dan prestasi akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of Social Science and Research (JOSSR)*, 7(2), 89–97. <https://academicinspired.com/josrr/article/view/2264>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Kremen, L. C., Fiszdon, J. M., Kurtz, M. M., Silverstein, S. M., & Choi, J. (2016). Intrinsic and Extrinsic Motivation and Learning in Schizophrenia. *Current Behavioral Neuroscience Reports*, 3(2), 144–153. <https://doi.org/10.1007/S40473-016-0078-1>
- Kuchkarova, Y. (2019). *Alternative assessment as a means to develop study skills in esp classes in higher educational settings*. 1(11), 343–347.
- Law, A. S., & Sheen, K. (2024). Experiences of foundation year students integrating into first year. *Widening Participation and Lifelong Learning*. <https://doi.org/10.5456/wpll.26.1.63>
- Leong, K. E., Tan, P. P., Lau, P. L., & Yong, S. L. (2018). *Exploring the relationship between motivation and science achievement of secondary students*. <http://eprints.um.edu.my/21487/>
- Liu, Y., Liu, Y., Hau, K.-T., Liu, H., Wu, J., Wang, X., & Zheng, X. (2020). Multiplicative effect of intrinsic and extrinsic motivation on academic performance: A longitudinal study of Chinese students. *Journal of Personality*, 88(3), 584–595. <https://doi.org/10.1111/JOPY.12512>
- Lynn, M. R. (1986). Determination and Quantification of Content Validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–385. <https://doi.org/10.1097/00006199-198611000-00017>
- Magdalena, I., Andreani, M. G., Nurhasanah, S., & Ushaybiah, Z. M. (2023). Dampak penilaian untuk pembelajaran terhadap motivasi dan keterlibatan siswa. *Jurnal Riset Pendidikan Dan Pengajaran*, 2(1), 104–111. <https://doi.org/10.55047/jrpp.v2i1.450>
- Michels, B. I., & Eijkelhof, H. (2018). *High-school students engaging with researchers within a pre-university programme : Motivations and experiences*. 2(1), 43–61. <https://doi.org/10.18546/RFA.02.1.05>
- Mohammed, Y., Yusuf, M., & Saleh, M. (2023). Motivation and Engagement as a Predictor of Students' Science Achievement Satisfaction of Malaysian of Secondary School Students. *European Journal of Education*, 6(2), 96–107. <https://doi.org/10.2478/ejed-2023-0019>
- Mueller, J. (2021). *Authentic assessment toolbox*. <http://jfmuellder.faculty.noctrl.edu/toolbox/>
- OECD. (2019). *Future of Education and Skills 2030: OECD Learning Compass 2030*. OECD Publishing. <https://www.oecd.org/education/2030-project/>
- Panadero, E., Andrade, H., & Brookhart, S. (2017). *Fusing self-regulated learning and formative assessment: A roadmap of where we are, how we got here, and where we are going*. *Australian Educational Researcher*, 44(1), 13–31. <https://doi.org/10.1007/s13384-017-0245-9>
- Pandya, J. D. (2024). Intrinsic & extrinsic motivation & its impact on organizational performance at Rajkot city: A review. *Journal of Management Research and Analysis*. <https://doi.org/10.18231/j.jmra.2024.009>
- Pintrich, P. R. (2003). *A motivational science perspective on the role of student motivation in learning and teaching contexts*. *Journal of Educational Psychology*, 95(4), 667–686. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.95.4.667>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Rahim, S. A., Mohd Noor, M., & Aziz, N. A. (2021). *Enhancing student motivation through alternative assessments: A self-determination theory approach*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 45–62.

- Raisuli, R., & Tharumaraj, J. N. (2024). Exploring Types of Motivation among Undergraduate Students and Their Relationship with Academic Performance: A Pilot Study. *Deleted Journal*, 3(2), 59–74. <https://doi.org/10.58946/apjfes-3.2.p5>
- Reeve, J. (2012). *A self-determination theory perspective on student engagement*. In S. L. Christenson, A. L. Reschly, & C. Wylie (Eds.), *Handbook of Research on Student Engagement* (pp. 149–172). Springer. https://doi.org/10.1007/978-1-4614-2018-7_7
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2017). *Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness*. Guilford Press.
- Saemah Rahman. (2023). Hubungan antara kesadaran metakognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan*, 43(1), 55–68. <https://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/14750>
- Shaik-Abdullah, S. (2023). *The Impact of English Teachers on ESL Pre-University Students' L2 Reading Motivation in Pakistan*. 2(3), 53–68. <https://doi.org/10.56868/jadhur.v2i3.152>
- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2020). Gender differences in motivation and academic achievement: The role of perceived teacher support. *Educational Psychology*, 40(10), 1244–1260. <https://doi.org/10.1080/01443410.2020.1808297>
- Stiggins, R. J. (2005). From formative assessment to assessment FOR learning: A path to success in standards-based schools. *Phi Delta Kappan*, 87(4), 324–328. <https://doi.org/10.1177/003172170508700414>
- Torrance, H. (1995). Evaluating authentic assessment: Problems and possibilities in new approaches to assessment. *Open University Press*.
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International Journal of Medical Education*, 2, 53–55. <https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd>
- Vallerand, R. J., Pelletier, L. G., Blais, M. R., Brière, N. M., Senécal, C., & Vallières, E. F. (1992). The Academic Motivation Scale: A measure of intrinsic, extrinsic, and amotivation in education. *Educational and Psychological Measurement*, 52(4), 1003–1017. <https://doi.org/10.1177/0013164492052004025>
- Varsavsky, C., & Rayner, G. M. (2013). Strategies that challenge: exploring the use of differentiated assessment to challenge high-achieving students in large enrolment undergraduate cohorts. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 38(7), 789–802. <https://doi.org/10.1080/02602938.2012.714739>
- Wanderley, S. F. de S., Silvany, M. A. A., Vasconcelos de Abreu, F. R., & Santos, J. M. dos. (2024). *Deciphering the motivations behind choosing undergraduate courses in the health field*. <https://doi.org/10.56238/arev6n3-168>
- Wiliam, D. (2018). *Embedded formative assessment* (2nd ed.). Solution Tree Press.
- Yeager, D. S., & Dweck, C. S. (2017). Mindsets that promote resilience: When students believe that personal characteristics can be developed. *Educational Psychologist*, 52(4), 302–314. <https://doi.org/10.1080/00461520.2017.1304466>
- Yusof, N., & Alias, N. (2018). *The role of student needs in alternative assessments: A Maslowian perspective*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 105–120.
- Zamanzadeh, V., et al. (2015). Design and Implementation Content Validity Study: Development of an instrument for measuring Patient-Centered Communication. *Journal of Caring Sciences*, 4(2), 165–178. <https://doi.org/10.15171/jcs.2015.017>
- Zulfikar, T., & Mujiburrahman. (2020). *The making of Indonesian education: The role of curriculum and assessment in shaping students' learning*. *Journal of Indonesian Education*, 4(2), 101–114.
- Zwilling, A.-L. (2023). *Alternative assessment* (pp. 96–102). Elsevier eBooks. <https://doi.org/10.1016/b978-0-12-818630-5.09018-7>